



FAIZNUR AIN (dua dari kanan) bersama ibunya, **Zuhairi Harun** (dua dari kiri) serta dua orang kakaknya **Fidyah Wahyu** (kanan) dan **Nurul Izzatie** selepas Istiadat Konvokesyen ke 23 UTHM di Batu Pahat semalam.

Hidap dua penyakit tidak patah semangat genggam PhD

BATU PAHAT – Berdepan dengan dua penyakit berbahaya tidak mematahkan semangat seorang wanita sepanjang menghabiskan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Wanita itu, Faiznur Ain Ahmad Bakri, 32, berkata, dia dikesan ada tumor pada tiub fallopio pada 2018 sehingga memaksanya bercuti panjang.

"Pada November 2020, saya berhadapan masalah sakit kepala serius sehingga menyebabkan hanya mampu terbaring dan

perlu memejamkan mata sahaja jika berjalan ke bilik mandi," jelaasnya.

Tambah Faiznur Ain, hasil pemeriksaan doktor mendapati dia ada tumor besar dalam kepalanya pula.

"Satu lagi pembedahan perlu dilakukan sehingga menyebabkan saya terpaksa ambil cuti selama dua bulan sebelum kembali pulih seperti biasa," jelasnya.

Ujar anak bongsu daripada tiga adik beradik dari Raub itu, berkemungkinan besar akan ada tumor baharu muncul lagi di kawasan yang sama atau mana ba-

hagian lain, namun tidak akan menghalang cita-citanya bergelar doktor falsafah.

"Alhamdulillah berkat doa yang tidak putus-putus daripada ahli keluarga kini kejayaan yang diimpikan sudah berada dalam genggamannya dan ia membuktikan jika kita mahu melakukannya pasti akan dapat digapai jika ada usaha-usaha.

"Apatah lagi apabila kehilangan kasih sayang seorang ayah sejak berusia empat tahun, pasti sukar untuk berhadapan situasi ini tanpa orang yang benar-benar kuat di sisi kita,"katanya.